
SIARAN MEDIA

ISTIADAT KONVOKESYEN KALI KE-50 POLITEKNIK UNGKU OMAR

IPOH, 22 Ogos 2022 – Seramai 2470 graduan Politeknik Ungku Omar (PUO) menerima segulung Ijazah Sarjana Muda, Diploma, dan Sijil Kemahiran Khas sempena Istiadat Konvokesyen PUO kali ke-50 yang diadakan di Dewan Jubli, Politeknik Ungku Omar selama lima hari yang bermula dari 22 hingga 26 Ogos 2022. Istiadat Konvokesyen kali ini adalah lebih istimewa kerana ia merupakan istiadat konvokesyen kali ke-50 sejak konvokesyen pertama pada tahun 1972. Untuk makluman, PUO telah ditubuhkan pada tahun 1969.

Tetamu Kehormat yang menyempurnakan Istiadat Konvokesyen ialah:

i. **Sidang Pertama : 22 Ogos 2022 (Isnin)**

Jabatan Perdagangan dan Jabatan Kejuruteraan Perkapalan

1. **Yang Mulia Ungku Shamsoon N'har binti Dato' Dr Ungku Omar**
Pengarah Urusan Newton International College; dan
Waris Dato' Dr Ungku Omar bin Ahmad
2. **Yang Berusaha Kapten Zuradi bin Zainol Abidin**
Presiden Ikhtisas Kelautan Malaysia (IKMAL)

ii. **Sidang Kedua : 23 Ogos 2022 (Selasa)**

Jabatan Kejuruteraan Elektrik

1. **Yang Berusaha Ts. Zainab binti Ahmad**
Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti
2. **Yang Berusaha Puan Zaliza binti Abd. Rahman**
Ketua Pegawai Eksekutif PCOM Technologies Sdn. Bhd.

iii. Sidang Ketiga : 24 Ogos 2022 (Rabu)

Jabatan Kejuruteraan Awam

1. **Yang Berbahagia Dato' Ts. Dr Mohammad Naim bin Yaakub**
Ahli Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Perlis;
Timbalan Pengarah Malaysia Research Institute in Vocational & Training (MyRIVET) UTHM;
Mantan Ketua Pengarah Colombo Plan Staff College (CPSC); dan
Mantan Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti
2. **Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Sri Sufri bin Haji Mohd Zin**
Pengarah Urusan Kumpulan TRC Synergy Berhad

iv. Sidang Keempat : 25 Ogos 2022 (Khamis)

Jabatan Kejuruteraan Mekanikal

1. **Yang Berusaha Ts. Tuan Hj Mohd Faisal bin Haroon**
Mantan Pengarah Politeknik Ungku Omar
2. **Yang Berusaha Encik Lee Wee Pin**
Pengarah Prihoda Malaysia Sdn. Bhd.

v. Sidang Kelima : 26 Ogos 2022 (Jumaat)

Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi

1. **Yang Berbahagia Dato' Hj Md. Nor bin Yusuf**
Mantan Ketua Pengarah
Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, dan
Mantan Pengarah Politeknik Ungku Omar
2. **Yang Berusaha Ts. Hj Muhammad Ibrahim bin Hussain**
Pengarah Urusan Sigma Rectrix Systems (M) Sdn. Bhd

Semua sidang bermula pada jam 9.00 pagi dan tamat pada jam 12.00 tengah hari.

Graduan yang hadir pada Istiadat Konvokesyen pada kali ini terdiri daripada graduan yang telah menamatkan pengajian pada sesi Disember 2020 dan sesi Jun 2021 bagi program Diploma dan Sijil manakala sesi Mac 2021 dan September 2021 bagi program Ijazah Sarjana Muda.

Jumlah graduan yang layak bergraduat adalah seramai 3 orang untuk peringkat sijil, 2,417 orang di peringkat diploma dan 50 orang untuk penerima di peringkat Ijazah Sarjana Muda.

Pecahan graduan mengikut Jabatan adalah seperti berikut:

i)	Jabatan Kejuruteraan Awam	-	463 orang
ii)	Jabatan Kejuruteraan Elektrik	-	465 orang
iii)	Jabatan Kejuruteraan Mekanikal	-	602 orang
iv)	Jabatan Perdagangan	-	383 orang
v)	Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi	-	521 orang
vi)	Jabatan Kejuruteraan Perkapalan	-	36 orang

Istiadat Konvokesyen kali ini juga, turut memberi penghargaan dan penghormatan kepada graduan yang telah menunjukkan dedikasi dan iltizam yang tinggi. Beberapa anugerah seperti **Anugerah Ungku Omar, Anugerah Kecemerlangan Akademik dan Kokurikulum (Jabatan), Anugerah Projek Terbaik (Penyelidikan dan Inovasi) dan Anugerah Khas Industri**, diberikan kepada para graduan yang berjaya. **Kolaborasi erat di antara industri dan PUO membolehkan Anugerah Khas Industri wujud untuk dianugerahkan kepada pelajar yang layak sebagai satu pengiktirafan pencapaian akademik yang cemerlang di dalam bidang masing-masing.** Di samping itu, ia merupakan satu insentif dan penghargaan khas pihak industri berkenaan kepada pelajar di atas usaha gigih yang telah ditunjukkan.

Antara industri yang berbesar hati untuk memberikan sumbangan ialah MNZ Waja, Petronas Adelia Mesra 2, Ikhtisas Kelautan Malaysia (IKMAL), MyInvent Technologies Sdn.Bhd., Smart Academic Engineering & Management (SAEM), PCOM Technologies Sdn. Bhd., TRC Synergy Berhad, Mulhaf Amrose Architect, Lembaga Juruukur Tanah Malaysia, Prima Reka Konsultan, PRIHODA Malaysia Sdn. Bhd., The Computing Technology Industry Association (CompTIA), Sigma Rectrix Systems (M) Sdn Bhd dan CyberSecurity Malaysia. Sumbangan anugerah adalah berupa jam tangan, kit pembelajaran elektronik, peralatan ICT, plak, wang tunai serta sijil.

Sebagai sebuah Politeknik Premier, PUO bertanggungjawab besar untuk memenuhi aspirasi negara dalam menghasilkan graduan yang bersifat menyeluruh, progresif, bermoral dan beretika di samping mempunyai pengetahuan dan kemahiran berteraskan pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional yang tinggi. Selaras dengan revolusi industri 4.0, penganugerahan yang diberikan diharap menjadi pemangkin kepada graduan untuk lebih cemerlang dalam menggilap potensi diri agar mampu bersaing di peringkat global yang lebih mencabar.

Industri yang menyumbang bagi Anugerah Khas Industri pada kali ini merupakan antara industri peneraju dalam bidang masing-masing serta rakan kolaborasi strategik yang sentiasa menyokong usaha ke arah menjadikan PUO sebagai “*Home of TVET Champions*”.

Bersempena dengan Istiadat Konvokesyen ini, turut diadakan gerai-gerai jualan yang dikendalikan oleh para pelajar PUO serta beberapa pihak luar. Pengendalian gerai-gerai jualan ini memberi ruang dan peluang kepada para pelajar untuk mempraktikkan kemampuan mereka dalam bidang keusahawanan yang merupakan salah satu aspek yang dipelajari sebagai pelajar politeknik.

Akhir kata, sekalung tahniah diucapkan kepada semua graduan PUO kerana berjaya menamatkan pengajian dengan cemerlang.

**Unit Komunikasi Korporat
Politeknik Ungku Omar**